

Mahathir jelas

P kenyataannya

KUALA LUMPUR, Isnin. — Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed, hari ini menjelaskan, kenyataannya mengenal pandangan 'lapuk' pelajar New Zealand dan Australia pada hari Sabtu lalu tidak ditujukan kepada pelajar Malaysia yang berada di kedua-dua negeri itu.

Bellau memberitahu Bernama, kenyataan itu ditujukan kepada pelajar-pelajar rakyat Australia dan New Zealand sendiri yang belajar di universiti-universiti di negeri-negeri itu.

Menurutnya, pelajar-pelajar itu telah melahirkan perhatian berat terhadap apa yang berlaku di Malaysia.

Ulasan

Ulasan ini dibuat kerana adanya penerbitan-penerbitan pelajar di Australia dan New Zealand yang di waktu akhir-akhir ini, amat kritikal dengan hal

ehwal Malaysia.

Pada hari Sabtu lalu, Dr. Mahathir telah menegur pelajar-pelajar Australia dan New Zealand kerana "terlalu bersedia mendengar kecaman yang ditujukan kepada Kerajaan Malaysia."

Pelajar-pelajar itu dengan sikap kononnya mengambil berat hal ehwal dalam negeri Malaysia "mengingatkan kembali tentang pegawai-pegawai penjahat yang berpendapat jika Malaya merdeka ia akan hancur."

Dr. Mahathir membuat penjelasan ini kerana beliau berpendapat mungkin kenyataannya pada hari Sabtu itu mengelirukan.